

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

SOALAN NO. 151

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tuntutan insurans DBKL yang diterima dari orang ramai atas pelbagai tuntutan, yang diterima, diluluskan dan ditolak sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, bagi tahun 2018, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima sebanyak 200 kes tuntutan insurans tanggungan awam atas pelbagai jenis tuntutan. Daripada jumlah ini, sebanyak 80 kes bernilai RM398,186.43 telah diselesaikan. Sebanyak 10 ditolak dan 110 kes masih belum selesai dan dalam tindakan broker insurans.

Jumlah RM398,186.43 telah dibayar oleh syarikat insurans. Untuk makluman Yang Berhormat, DBKL membayar premium insurans sebanyak RM5.18 juta untuk tempoh 3 tahun bermula 2018.

Kesemua kes tuntutan yang diterima oleh DBKL akan dipanjangkan kepada broker insurans yang telah dilantik oleh DBKL.